



PEMBERITAHUAN

KAJIAN PENGGUNAAN INTERNET ISI RUMAH 2012

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan **Kajian Penggunaan Internet Isi Rumah 2012** untuk mengumpul data berkaitan dengan penggunaan Internet.

Ini adalah sebahagian daripada penyelidikan berterusan SKMM berkaitan penggunaan Internet di Malaysia. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan membantu dalam penambahbaikan pengkalan data SKMM yang akan digunakan bagi meningkatkan mutu industri komunikasi dan multimedia di negara ini.

Kajian ini akan dijalankan melalui telefon sepenuhnya dan akan bermula pada **9 Jun 2012** sehingga **17 Ogos 2012**. Pungutan data akan berlangsung dari **jam 9.00 pagi** hingga **5.00 petang** pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad kecuali hari-hari kelepasan am. Pelanjutan tempoh kajian, sekiranya didapati perlu, akan diumumkan pada laman web SKMM.

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan bukan untuk menjual barang atau mengutip wang. Responden akan dipilih secara rawak oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Walaupun penyertaan adalah secara sukarela, kami memohon kerjasama daripada orang awam agar dapat memberikan maklumat seperti yang dikehendaki. Maklumat yang dikumpulkan tidak akan dihebahkan kepada mana-mana pihak dan akan digunakan semata-mata untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya, Selangor
(u/p: Jabatan Statistik)

Tel: +603 86 88 84 57 / +603 22 72 66 66

Faks: +603 86 88 10 50 Talian bebas: 1 800 888 030

www.skmm.gov.my

13cm x 4cols Utsn.Msia